

08/08/2003

Tugas berat pilih penaja Umno

Kadir Dikoh

PROGRAM TV popular masa kini, Akademi Fantasia, yang disiarkan di Astro Ria agak luar biasa. Tiada jaminan suara yang lunak serta bakat seni tersendiri akan menentukan seseorang pelajar berjaya meneruskan perjuangan.

Segala-galanya atau 100 peratus keputusan itu bergantung kepada undian orang ramai yang memilih pelajar favourite mereka menerusi sistem pesanan ringkas (SMS), mengadaptasikan program asal La Academia di Mexico.

Tiada juri profesional untuk menjadi hakim bagi menilai dari segi persembahan, kesempurnaan vokal serta bakat sebenar yang ada. Mungkin kerana ini juga, sesetengah peserta yang dikira berkebolehan tersingkir di tengah jalan, menyebabkan air mata menjadi begitu murah.

Itu Akademi Fantasi. Dalam politik Umno pula, sekarang ini adalah proses menamakan dan memilih jawatankuasa penaja bagi semua 190 bahagian, termasuk 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Mana-mana ketua bahagian yang tidak berfungsi dengan baik selama ini, mungkin digantikan dengan muka baru dalam jawatankuasa penaja bahagian. Ketua Perhubungan Umno negeri boleh mengemukakan cadangan, bukan melalui SMS, ke ibu pejabat untuk pertimbangan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Apa yang diharapkan ialah ketua perhubungan negeri ini akan bertindak selaku 'juri profesional' dan pada masa sama mengambil kira kehendak ahli peringkat bawahan, bukan mengambil kesempatan untuk mencantas mereka yang tidak sebulu dengannya.

Jika tidak, pemimpin berbakat, berkebolehan dan yang setia kepada parti akan 'terkeluar' seperti dalam program Akademi Fantasia - meskipun kesannya jauh berbeza.

Mesyuarat MT Umno Khamis minggu lalu membuat keputusan untuk membubarkan jawatankuasa parti di semua 165 bahagian, pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta meletakkannya di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan. Jawatankuasa penaja bahagian dan ketiga-tiga sayap Umno itu akan ditubuhkan serentak dengan penubuhan jawatankuasa penaja di 25 bahagian baru, berdasarkan kawasan Parlimen baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Apabila penulis mengajukan soalan mengenai isu jawatankuasa penaja Umno bahagian dalam sidang akhbar selepas mesyuarat MT itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menoleh ke arah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno menyerahkan kepada bakal penggantinya, Pak Lah, untuk menjelaskan isu itu yang menjadi perbincangan hangat di kalangan ahli parti khususnya pada peringkat bahagian sejak bulan lalu lagi, malah kegiatan melobi sudah lama bermula terutama di bahagian baru.

Tanpa membuang masa, Pak Lah terus menjawab soalan itu, sekali gus mengakhiri teka-teki selama ini berkisar kepada isu sama ada jawatankuasa penaja itu cuma untuk 25 bahagian baru atau membabitkan semua 165 bahagian yang sedia ada.

"Ya, kita telah bincang tadi dan kita telahpun bersetuju bahawa semua bahagian parti akan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja. Jawatankuasa penaja akan menguruskan parti pada peringkat bahagian sehinggalah pemilihan parti diadakan," katanya.

Dua lagi Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyiddin

Yassin yang turut berada di situ, kelihatan menunggu dengan penuh perhatian kenyataan yang bakal dibuat Pak Lah, hasil mesyuarat lebih dua jam itu - jangka masa lebih pendek daripada biasa.

Nescaya, apa saja langkah baru Umno atau langkah lama yang dihidupkan semula menjelang Oktober ini, akan tetap mengundang perhatian terutama yang diumumkan oleh Pak Lah. Malah, gerak geri atau body language Najib dan Muhyiddin kepada sesuatu perkara yang diumumkan, tidak terlepas daripada perhatian.

Isu jawatankuasa penaja meskipun tidak dibincang dengan panjang lebar pada mesyuarat MT yang dipengerusikan Dr Mahathir itu, dijangka mencorakkan sedikit sebanyak hala tuju kepemimpinan parti dalam tempoh beberapa bulan sebelum pemilihan parti tahun depan.

Apabila ditanya sama ada penyandang jawatan pada peringkat bahagian sekarang akan dilantik semula atau diganti dengan yang baru, Pak Lah berkata: "Mereka yang menjadi ahli jawatankuasa bahagian sekarang, semuanya boleh dilantik semula menjadi anggota jawatankuasa penaja ataupun kita boleh juga melantik orang lain. Pelantikan akan dibuat pada peringkat Pusat (MT) dan pihak negeri pula akan mengemukakan cadangan."

Dengan tindakan Dr Mahathir `menugaskan' Abdullah untuk menjawab soalan itu, timbul desas-desus kononnya itulah kehendak Pak Lah, malah dikatakan rombakan pada peringkat bahagian ini perlu dilakukan sebelum kepemimpinan parti bertukar tangan November ini.

Lebih daripada itu, timbul pula desas-desus bahawa tindakan membubar semua jawatankuasa di 165 bahagian Umno bertujuan `menukar orang tertentu dan diganti dengan orang tertentu dari kem yang berlainan' dalam bahagian yang sama.

Apakah semua itu benar dan apakah setiap tindakan harus dilihat sebagai satu konspirasi? Yang pasti tindakan pembubaran itu bukan perkara baru kerana langkah sama pernah dilakukan Umno sedekad lalu berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

"Sebenarnya, kita jangan melihat tindakan ini dengan penuh syak wasangka. Ia bukan satu konspirasi. Sebaliknya kita harus melihatnya dari sudut positif dan jika tidak, kita akan terus memikirkan perkara yang bukan-bukan," kata tokoh yang pernah menimbulkan kontroversi dalam parti, Datuk Shahrir Samad yang juga ahli MT.

Ketua Umno Bahagian Johor Bahru itu berkata, tindakan membubar jawatankuasa bahagian dan menubuhkan jawatankuasa penaja untuk bahagian baru adalah satu keperluan dalam perlembagaan Umno, manakala MT mempunyai kuasa untuk melantik sesiapa saja yang difikirkan sesuai untuk menganggotai jawatankuasa penaja itu.

"Ini bermakna, jika wujud kawasan baru, ia juga membabitkan (persempadanan) kawasan lama. Daripada menubuhkan jawatankuasa penaja untuk bahagian yang terbabit saja, maka bahagian yang tidak terbabit langsung pun kena bubar juga seperti di Perlis yang tiada sebarang perubahan persempadanan kawasan.

"Soal pelantikan jawatankuasa penaja, kita tak boleh lantik ikut suka hati, kena ambil kira suasana sekitar dan ketokohan seseorang itu. Lagi pun ini bukan parti baru, semuanya Umno," katanya kepada Berita Harian.

Ketua Umno Bahagian Kemaman, Ahmad Said, pula berkata memang ada keperluan dalam perlembagaan parti untuk membubarkan jawatankuasa bahagian setiap kali berlaku perubahan berikutan persempadanan semula bahagian pilihan raya.

"Ini bukan kali pertama tindakan pembubaran seperti itu dilakukan. Ia pernah dibuat sedekad lalu kerana persempadanan semula bahagian pilihan raya dilakukan setiap lapan tahun.

"Bezanya kali ini ialah membabitkan kerusi tambahan yang banyak iaitu 25 berbanding cuma antara lapan atau sembilan kerusi baru pada masa lalu,"

katanya.

Begitu pun, katanya, adalah menjadi harapan supaya Umno Pusat mengekalkan status quo jawatankuasa bahagian yang ada dan hanya membuat pertukaran jika didapati ketua, timbalan ketua atau naib ketua tidak berkesan dari segi kepemimpinan demi kepentingan parti.

Beliau berkata, dalam proses pelantikan jawatankuasa penaja bahagian termasuk bagi bahagian baru, kepentingan parti perlu diletakkan di atas kepentingan individu serta tanpa campur tangan golongan yang ada kepentingan peribadi.

"Kita tidak mahu tercetus sesuatu yang mengganggu gugat keharmonian yang boleh menjejaskan peluang kemenangan pada pilihan raya umum akan datang, lebih-lebih lagi untuk Terengganu dalam usaha merampas kerajaan negeri daripada Pas.

"Sepatutnya, tak timbul isu orang ini dan orang itu dikaitkan dengan pemimpin tertinggi tertentu. Ini kerana semua dah janji tiada pertandingan untuk jawatan tertinggi dan Pak Lah akan menjadi Perdana Menteri," katanya.

Ahli Exco Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir, berkata pembubaran jawatankuasa Umno bahagian sekarang sepatutnya dilihat sebagai proses ke arah memperkasa serta memperkukuhkan semula Umno dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, sebarang tindakan ketua bahagian yang diberi tugas oleh perhubungan Umno negeri untuk menubuhkan jawatankuasa penaja, akan menentukan sama ada Umno di bahagian itu akan terus mantap dan bersatu atau sebaliknya.

"Ini kerana ada kemungkinan di bahagian itu yang akan bertindak untuk memencil atau `membersihkan' bahagian itu daripada pesaing mereka dan mungkin mereka anggap ini waktu terbaik mengukuhkan kedudukan mereka.

"Jika ini berlaku, kedudukan Umno bahagian bukan menjadi mantap tetapi masalah baru wujud yang akan mengambil masa berbulan-bulan untuk dipulihkan," katanya.